



NEGERI BRUNEI

E 14 TAHUN 1982

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

Beta bersetuju,



**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN.**

[18-10-1982]

Satu Undang2 untok menguatkuasakan Konvenshen Vienna mengenai Perhubungan2 Konsol ; untok membolehkan supaya penguatkuasaan di-berikan kepada perjanjian2 lain berkenaan dengan perhubungan2 konsol dan untok mengadakan syarat sa-lanjut-nya berthabit dengan perhubungan2 konsol di-antara Brunei dengan negara2 lain serta perkara yang berbangkit berkaitan dengan-nya ; untok menghadkan bidangkuasa mahkamah2 berthabit dengan perkara2 tertentu berkenaan dengan atau yang berbangkit di-dalam kapal2 atau pesawat ter-bang tertentu ; untok membolehkan ajen2 diplomatik dan pegawai2 konsol untok mengambil sumpah dan melakukan tin-dakan2 notaris (notarial acts) dalam perkara2 tertentu ; dan bagi maksud2 yang berkaitan dengan perkara2 itu.

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri saperti yang berikut :

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

Gelaran pendek
dan permulaan.

S 45/84

Pemakaian
Konvenshen
Vienna.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sa-bagai Undang2 Perhubungan2 Konsol, 1981 dan akan mula berkuatkuasa pada sa-suatu tarikh yang akan di-tetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.
[1-1-1984]

2. (1) Terta'alok kapada bab 3 dan kapada cheraian (2) dari bab 4, sharat2 yang di-nyatakan dalam Jadual Pertama (ia-itu Perkara2 atau bahagian2 dari Perkara2 Konvenshen Vienna mengenai dengan Perhubungan2 Konsol yang telah di-tandatangani dalam tahun 1963) hendak-lah mempunyai kuatkuasa undang2 di-Brunei dan hendak-lah bagi maksud itu di-tafsirkan menurut cheraian2 (2) hingga (9) dari bab ini.

(2) Di-dalam sharat2 itu -

"pehak berkuasa bagi Negara yang menerima" hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai termasuk mana2 pegawai pulis dan sa-siapa jua yang menjalankan kuasa memasokki sa-barang bangunan dan pekarangan-nya (premises) di-bawah apa jua undang2 ;

"jenayah besar" hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai berma'ana apa jua kesalahan yang boleh di-kenakan (atas thabit-kesalahan pertama) hukum penjara sa-lama sa-suatu tempoh yang boleh di-perlanjutkan sa-hingga lima tahun atau di-kenakan hukuman yang lebeh berat lagi ;

"warganegara Negara yang menerima" hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai berma'ana sa-orang warganegara Brunei.

(3) Sebutan di-dalam perenggan 2 dari Perkara 17 berkenaan dengan sa-barang hak keistimewaan dan imuniti yang di-berikan oleh Undang2 antarabangsa biasa atau oleh perjanjian2 antarabangsa hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai sebutan berkenaan dengan sa-barang hak keistimewaan dan imuniti yang di-berikan di-Brunei di-bawah Undang2 (Perluasan) Hak2 Keistimewaan Diplomatik, 1949.

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

(4) Sebutan2 di-dalam Perkara 44 berkenaan dengan perkara2 yang berkaitan dengan perjalanan tugas2 ahli2 bagi sa-suatu jawatan konsol hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai sebutan2 berkenaan dengan perkara2 yang berkaitan dengan perjalanan tugas2 konsol oleh pegawai2 konsol atau pekerja2 konsol.

(5) Bagi maksud2 Perkara 45 dan perkara itu sa-bagaimana yang di-kenakan oleh Perkara 58 sa-suatu pengenehan hendak-lah di-anggap telah di-nyatakan oleh sa-sabua Negara jika ia-nya telah di-nyatakan oleh ketua, atau sa-siapa jua yang pada ketika itu menunaikan tugas2 ketua, misi diplomatik mengawasi bagi Negara itu atau pejabat konsol yang berkenaan.

(6) Perkara2 50,51,52,54,62 dan 67 hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai memberikan apa jua hak keistimewaan dan imuniti yang perkara2 itu mengkehendaki supaya di-berikan.

(7) Sebutan di-dalam Perkara 57 berkenaan dengan hak2 keistimewaan dan imuniti yang di-persyaratkan di-dalam Penggal II hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai menyebut berkenaan dengan hak2 keistimewaan dan imuniti yang di-persyaratkan dalam Bab II dari Penggal itu.

(8) Sebutan di-dalam Perkara 70 berkenaan dengan atoran2 undang2 antarabangsa mengenai dengan perhubungan2 diplomatik hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai sebutan berkenaan dengan syarat2 dari Undang2 Hak2 Keistimewaan Diplomatik (Konvenshen Vienna), 1982.

(9) Sebutan2 di-dalam Perkara 71 berkenaan dengan hak2 keistimewaan dan imuniti tambahan yang mungkin di-berikan oleh Negara yang menerima atau berkenaan dengan hak2 keistimewaan dan imuniti sa-takat yang hak2 ini di-berikan oleh Negara yang menerima hendak-lah di-tafsirkan sa-bagai menyebut berkenaan dengan hak2 keistimewaan dan imuniti yang mungkin di-tentukan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

dengan sa-suatu Perintah yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Sekatan hak2 keistimewaan dan imuniti.

3. Jika nampak-nya kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bahawa hak2 keistimewaan dan imuniti yang di-berikan kapada sa-suatu jawatan konsol Brunei di-dalam sa-sabuah wilayah mana2 Negara, atau kapada orang2 yang berkaitan dengan sa-suatu jawatan konsol sa-demikian, ada-lah kurang dari hak2 yang di-berikan oleh Undang2 ini ka-atas sa-suatu jawatan konsol Negara itu atau ka-atas orang2 yang berkaitan dengan sa-suatu jawatan konsol sa-demikian, maka Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah menarek balek hak2 keistimewaan dan imuniti yang telah di-berikan itu daripada kesemua atau mana2 dari jawatan2 konsol Negara itu di-Brunei atau daripada orang2 yang berkaitan dengan-nya yang nampak-nya kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ada-lah wajar.

Perjanjian2 yang mempersharatkan bagi hak2 keistimewaan dan imuniti tambahan atau pengurangan.

4. (1) Jika mana2 perjanjian di-buat, sama ada sa-belum atau sa-lepas berjalan-nya kuatkuasa Undang2 ini, di-antara Brunei dengan mana2 Negara lain ada mempersharatkan pemberian kapada jawatan2 konsol dan orang2 yang berkaitan dengan-nya hak2 keistimewaan dan imuniti yang tidak di-berikan kapada mereka oleh syarat2 lain dari Undang2 ini, maka Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* menjalankan, berthabit dengan jawatan2 konsol Negara itu di-Brunei dan orang2 yang berkaitan dengan-nya, kuasa2 yang di-tentukan dalam Jadual Kedua sa-takat yang mungkin perlu untok menguatkuasakan Perjanjian itu.

(2) Jika mana2 perjanjian di-buat, sama ada sa-belum atau sa-lepas berjalan-nya kuatkuasa Undang2 ini, di-antara Brunei dengan mana2 Negara lain ada mempersharatkan pemberian kapada jawatan2 konsol dan orang2 yang berkaitan dengan-nya beberapa tetapi tidak semua hak keistimewaan dan imuniti yang di-berikan kapada mereka

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

oleh syarat2 lain dari Undang2 ini, maka Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* mempersyaratkan tidak memasokkan, berthabit dengan jawatan2 konsol Negara itu di-Brunei dan orang2 yang berkaitan dengan-nya, mana2 dari hak2 keistimewaan dan imuniti yang tidak di-persyaratkan oleh perjanjian itu.

5. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* membuat syarat bagi tidak memasokkan atau menghadkan bidangkuasa mana2 mahkamah di-Brunei untok melayani langkah perbicharaan berhubung dengan pembayaran atau apa jua perjanjian perkhidmatan bagi nakhoda atau komander atau sa-saorang ahli anak kapal atau pesawat terbang kepunyaan sa-sabuah Negara yang dinyatakan dalam Perintah itu, kechuali jika sa-saorang pegawai konsol Negara itu telah di-beritahu mengenai tujuan untok menggunakan bidangkuasa mahkamah itu dan telah tidak membantah-nya dalam jangka masa yang mungkin di-tetapkan oleh atau di-bawah Perintah tersebut.

Bidangkuasa sivil mengenai perkhidmatan dalam kapal atau pesawat terbang.

6. (1) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* membuat syarat bagi membolehkan supaya, jika sa-suatu kesalahan di-katakan telah di-lakukan dalam mana2 kapal oleh nakhoda-nya atau sa-saorang ahli anak kapal-nya dan kapal itu di-punyai oleh sa-sabuah Negara yang di-nyatakan dalam Perintah tersebut, langkah perbicharaan bagi kesalahan itu yang di-mulakan sa-lain dari atas permintaan atau dengan persetujuan sa-saorang pegawai konsol Negara itu tidak di-layani oleh mana2 mahkamah di-Brunei melainkan -

Bidangkuasa ka-atas jenayah2 yang di-lakukan dalam kapal.

- (a) kesalahan itu di-katakan telah di-lakukan oleh atau terhadap sa-saorang yang menjadi warganegara Brunei atau terhadap sa-saorang sa-lain dari nakhoda atau sa-saorang ahli anak kapal itu ; atau
- (b) kesalahan itu ia-lah kesalahan yang melibatkan ketenteraman atau keselamatan sa-sabuah

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

pelabohan, atau undang2 yang berhubung dengan keselamatan nyawa di-laut, kesehatan awam, penchemaran minyak, taligraf wireless, imigeresen atau kastam atau apa jua jenis kesalahan lain yang di-nyatakan dalam Perentah tersebut ; atau

- (c) kesalahan itu ia-lah kesalahan yang terkandung di-dalam tafsiran "jenayah besar" dalam cheraian (2) dari bab 2.

(2) Bagi maksud2 bab ini, sa-suatu kesalahan yang menyentoh harta-benda mana2 orang hendak-lah di-anggap telah di-lakukan terhadap-nya.

(3) Bagi maksud2 bab ini, apa jua dokumen yang diakui telah di-tanda-tangani oleh atau bagi pihak sa-saorang pegawai konsol dan yang menyatakan bahawa dia telah meminta atau mempersetujui permulaan sa-barang langkah perbicharaan ada-lah menjadi bukti keterangan yang menchukopi bagi kenyataan itu melainkan yang berlawanan ada di-tunjokkan.

Tahanan di-dalam kapal bagi kesalahan2 tata-tertib.

7. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perentah yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* menetapkan mana2 Negara bagi maksud2 bab ini ; dan jika sa-sabuah Negara itu di-tetapkan sa-demikian, maka sa-saorang ahli anak kapal kepunyaan Negara itu yang di-tahan dalam kurongan di-dalam kapal itu kerana sa-suatu kesalahan tata-tertib tidak boleh di-anggap telah di-tahan dengan tidak sah di-segi undang2 melainkan -

- (a) tahanan-nya itu tidak sah di-bawah undang2 Negara itu atau keadaan2 tahanan itu tidak berperikema'nusiaan atau sukar yang tidak berpatutan ; atau
- (b) ada sebab yang berpatutan bagi memperchayai bahawa nyawa atau kebebasan-nya akan terbinchana oleh sebab2 bangsa, warganegara, pen-

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

dapat politik atau ugama, di-dalam mana2 negeri ka-
mana kapal itu mungkin pergi.

8. Bagi maksud2 bab 5, 6 atau 7, sa-sabuah kapal, dan bagi maksud2 bab 5, sa-buah pesawat terbang, hendak-lah di-
anggap sa-bagai di-punyai oleh sa-sabuah Negara dalam hal2 yang mungkin di-nyatakan oleh sa-suatu perentah yang di-
buat di-bawah bab itu; dan hal2 yang berlainan mungkin di-
nyatakan berthabit dengan Negara2 lain dan jenis2 kapal
atau pesawat terbang lain. **Kapal dan pesawat
terbang kepunyaan
sa-sabuah Negara.**

9. (1) Sa-saorang ajen diplomatik atau pegawai konsol mana2 Negara boleh, jika di-benarkan berbuat demikian di-
bawah undang2 Negara itu, mengambil sumpah, surat2 sumpah dan melakukan tindakan2 notaris - **Hak ajen2
diplomatik dan
pegawai konsol
untok mengambil
sumpah dan
melakukan
tindakan2 notaris
dalam perkara2
tertentu.**

(a) yang di-kehendakki oleh sa-saorang bagi kegu-
naan di-dalam Negara itu atau di-bawah un-
dang2 Negara itu ; atau

(b) dengan sa-chara lain yang di-kehendakki oleh
sa-saorang warganegara itu tetapi bukan bagi
kegunaan di-Brunei kechuali di-bawah undang2
sa-sabuah negeri lain.

(2) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perentah yang di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* tidak memasokkan atau menyekat syarat2 cheraian (1) berhubung dengan ajen2 diplomatik atau pegawai2 konsol mana2 Negara di-Brunei jika nampaknya kapada Baginda bahawa di-dalam mana2 wilayah Negara itu ajen2 diplomatik atau pegawai2 konsol Brunei tidak di-benarkan menunaikan tugas2 yang sama jenis-nya dan keluasan-nya dengan apa yang di-benarkan oleh cheraian itu.

(3) Di-dalam bab ini "ajen diplomatik" mempunyai ma'ana yang sama saperti yang di-dalam Undang2 Hak2 Keistimewaan Diplomatik (Konvenshen Vienna), 1982.

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

- Bukti keterangan.** 10. Jika sa-barang soal berbangkit sama ada atau tidak mana2 orang itu berhak mendapat sa-barang imuniti atau hak2 keistimewaan di-bawah Undang2 ini, maka suatu surat akuan yang di-keluarkan oleh Menteri Besar yang menyatakan sa-barang kenyataan berhubung dengan soal itu ada-lah menjadi bukti keterangan mu'tamad mengenai kenyataan itu.
- Pemakaian Perkara2 tertentu dalam Konvenshen Vienna mengenai Perhubungan2 Diplomatik 1961.** 11. Bagi maksud2 perenggan2 4, 5 dan 6 dari Jadual Kedua perenggan2 1,2,3, 4 dan 5 dari Jadual Ketiga (ia-itu Perkara2 29, 31, 32, perenggan 1 dari Perkara 30 dan Perkara 27 masing2-nya dari Konvenshen Vienna mengenai Perhubungan2 Diplomatik yang di-tandatangani dalam tahun 1961) ada-lah mempunyai kuatkuasa undang2 di-Brunei.
- Pindaan2 lanjutan bagi Undang2 Konvenshen Konsol, 1953.** 12. Bab2 4 dan 5 dari Undang2 Konvenshen2 Konsol, 1953 (Consular Conventions Enactment, 1953) ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

JADUAL PERTAMA

Sharat2 Konvenshen Vienna yang mempunyai kuatkuasa Undang2 di-Brunei.

Perkara 1

Tafsiran.

1. Bagi maksud2 Konvenshen yang sekarang ini, perkara2 yang berikut ada-lah mempunyai ma'ana2 yang diberikan kepada-nya di-bawah ini;
 - (a) "jawatan konsol" berma'ana sa-barang jawatan konsol agong, jawatan konsol, jawatan naib konsol atau perwakilan konsol ;
 - (b) "daerah konsol" berma'ana kawasan yang diserahkan kepada sa-suatu jawatan konsol bagi menjalankan tugas2 konsol ;

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

- (c) "ketua jawatan konsol" berma'ana orang yang di-pertanggung-jawabkan kewajipan bertindak dalam kedudukan itu ;
- (d) "pegawai konsol" berma'ana sa-siapa jua, termasuk ketua sa-suatu jawatan konsol, yang di-amanahkan dalam kedudukan itu untok menjalankan tugas2 konsol ;
- (e) "pekerja konsol" berma'ana sa-siapa jua yang bekerja dalam perkhidmatan pentadbiran atau teknikal bagi sa-suatu jawatan konsol ;
- (f) "ahli dari anggota perkhidmatan tersebut" berma'ana sa-siapa jua yang berkerja dalam perkhidmatan dalam negeri bagi sa-suatu jawatan konsol ;
- (g) "ahli2 bagi jawatan konsol" berma'ana pegawai2 konsol, pekerja2 konsol dan ahli2 dari anggota perkhidmatan tersebut ;
- (h) "ahli2 bagi anggota konsol" berma'ana pegawai2 konsol, sa-lain dari ketua sa-suatu jawatan konsol, pekerja2 konsol dan ahli2 bagi anggota perkhidmatan tersebut ;
- (i) "ahli2 bagi anggota prevet" berma'ana sa-saorang yang sa-mata2 berkerja dalam perkhidmatan prevet bagi sa-saorang ahli dari jawatan konsol ;
- (j) "bangunan dan pekarangan konsol" berma'ana bangunan2 atau bahagian dari bangunan2 dan tanah yang berhubung dengan-nya, dengan tidak menghiraukan kepunyaan, yang digunakan sa-mata2 bagi maksud2 jawatan konsol ;
- (k) "arkib2 konsol" termasuk-lah semua kertas2, dokumen2, surat-menyurat, buku2, filem2,

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

pita2 dan daftar2 bagi jawatan konsol, berserta dengan tulisan2 sulit dan kod2 (ciphers and codes), abjad-kad (card indices) dan apa jua perkakas perabot yang di-maksudkan bagi perlindungan atau keselamatan simpanan-nya.

2. Pegawai2 konsol ada-lah terdiri dari dua jenis, ia-itu pegawai2 konsol khas bagi pekerjaan itu dan pegawai2 konsol kehormat. Syarat2 Penggal II dari Konvenshen yang sekarang ini ada-lah di-kenakan kepada jawatan2 konsol yang di-ketuai oleh pegawai2 konsol khas bagi pekerjaan itu; syarat2 Penggal III menguasai jawatan2 konsol yang di-ketuai oleh pegawai2 konsol kehormat.

3. Taraf tertentu bagi ahli2 dari jawatan2 konsol yang menjadi warganegara2 atau penduduk2 tetap Negara yang menerima ada-lah di-kuasai oleh Perkara 71 dari Konvenshen yang sekarang ini.

PENGGAL I

PERHUBONGAN KONSOL PADA AM'-NYA

Perkara 5

Tugas2 Konsol.

Tugas2 konsol yang terkandung dalam :

- (a) memperlindungi di-dalam Negara yang menerima kepentingan2 Negara yang menghantar dan warganegara2-nya, kedua-dua-nya individu2 serta badan2 pertubohan, dalam had2 yang di-benarkan oleh undang2 antarabangsa ;
- (b) memajukan perkembangan perdagangan, ekonomi, kebudayaan dan perhubungan2 saintifik di-antara Negara yang menghantar dengan Negara yang menerima dan sa-chara lain menganjorkan perhubungan2 persahabatan di-antara kedua-dua buah Negara menurut syarat2 Konvenshen yang sekarang ini ;

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

- (c) memastikan dengan segala cara yang sah tentang keadaan2 dan perkembangan2 dalam kegiatan perdagangan ekonomi, kebudayaan dan saintifik Negara yang menerima, dengan melaporkan mengenai-nya kepada Kerajaan Negara yang menghantar dan memberikan ma'alumat kepada orang2 yang berkepentingan ;
- (d) mengeluarkan paspot2 dan dokumen2 perjalanan kepada warganegara2 Negara yang menghantar, dan visa2 atau dokumen2 yang bersesuaian kepada orang2 yang ingin pergi ka-Negara yang menghantar ;
- (e) menolong dan membantu warganegara2, kedua-dua-nya individu2 dan badan2 pertubohan, Negara yang menghantar ;
- (f) bertindak sa-laku notaris dan pendaftar mal dan dalam kedudukan2 yang serupa itu, dan menunaikan tugas2 tertentu sa-jenis pentadbiran, dengan syarat bahawa tidak ada sa-barang apa pun yang bertentangan dengan-nya dalam undang2 dan peratoran2 Negara yang menerima ;
- (g) menjamin keselamatan kepentingan2 warganegara, kedua-dua-nya individu2 dan badan2 pertubohan, Negara yang menghantar dalam perkara2 warisan *di-sebabkan kematian (mortis causa)* dalam wilayah Negara yang menerima, menurut undang2 dan peratoran2 Negara yang menerima itu ;
- (h) menjamin keselamatan, dalam had2 yang dikenakan oleh undang2 dan peratoran2 Negara yang menerima, kepentingan2 kanak2 yang belum chukop umur dan orang2 lain yang tidak mempunyai keupayaan yang sa-penoh-nya yang menjadi warganegara2 Negara yang menghantar ;

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

tar, khusus-nya jika apa jua penjagaan atau pegangan amanah di-kehendaki berthabit dengan orang2 sa-demikian itu ;

- (i) terta'alok kepada amalan2 dan tata-chara2 yang di-dapati dalam Negara yang menerima, mewakili atau mengator perwakilan yang bersesuaian bagi warganegara2 Negara yang menghantar di-hadapan badan pengadilan (tribunals) dan pihak2 berkuasa lain Negara yang menerima, bagi maksud memperolehi, menurut undang2 dan peratoran2 Negara yang menerima, langkah2 sementara bagi mengekalkan hak2 dan kepentingan2 warganegara2 itu, jika, oleh sebab ketiadaannya atau sa-barang sebab lain, warganegara2 itu tidak dapat pada masa yang berkenaan untuk mengambil pembelaan hak2 dan kepentingan2 mereka itu ;
- (j) menyerahkan dokumen2 kehakiman dan yang di-luar bidangkuasa kehakiman (extra-judicial documents) atau mengesahkan surat2 permintaan (letters rogatory) atau pemberian kuasa2 untuk mengambil bukti keterangan bagi pihak mahkamah2 Negara yang menghantar menurut perjanjian2 antarabangsa yang berkuat-kuasa atau, jika tiada perjanjian2 antarabangsa sa-demikian, dengan sa-barang chara lain yang sa-laras dengan undang2 dan peratoran2 Negara yang menerima ;
- (k) menjalankan hak2 penyeliaan dan pemereksaan yang di-persyaratkan dalam undang2 dan peratoran2 Negara yang menghantar berthabit dengan kapal2 kepunyaan Negara yang menghantar, dan berthabit dengan pesawat terbang yang di-daftarkan dalam Negara itu, dan berthabit dengan anak2 kapal-nya ;
- (l) menghulurkan bantuan kepada kapal2 dan pesawat-terbang yang di-sebutkan dalam

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

perenggan kechil (k) dari Perkara ini dan kepada anak2 kapal-nya, mengambil pernyataan2 berkenaan dengan pelayaran sa-sabuah kapal, memeriksa dan mengechap kertas2 kapal, dan dengan tidak menghiraukan kuasa2 pehak2 berkuasa Negara yang menerima, menjalankan penyiasatan2 ka-atas apa jua kejadian yang berlaku sa-masa dalam pelayaran, dan menyelesaikan pertikaian2 sa-jenis apa pun jua di-antara nakhoda-nya, pegawai2-nya dan kelasi2-nya sa-takat yang ini mungkin di-benarkan oleh undang2 dan peratoran2 Negara yang menghantar ;

- (m) menunaikan sa-barang tugas lain yang di-amanahkan kepada sa-suatu jawatan konsol oleh Negara yang menghantar yang tidak di-larang oleh undang2 dan peratoran2 Negara yang menerima atau terhadap mana tiada sa-barang bantahan di-berikan oleh Negara yang menerima atau yang ada di-sebutkan dalam perjanjian2 antarabangsa yang berkuat-kuasa di-antara Negara yang menghantar dengan Negara yang menerima.

Perkara 15

Perjalanan sementara tugas2 ketua sa-suatu jawatan konsol.

1. Jika ketua sa-suatu jawatan konsol itu tidak dapat menjalankan tugas2-nya atau tempat ketua jawatan konsol itu kosong, sa-saorang pemangku ketua jawatan boleh bertindak sementara sa-laku ketua jawatan konsol itu.
2. Nama penoh pemangku ketua jawatan itu hendak-lah di-beritahukan sama ada oleh misi diplomatik bagi Negara yang menghantar atau, jika Negara itu tidak ada sa-barang misi sa-demikian di-dalam Negara yang menerima, oleh ketua jawatan konsol itu, atau jika dia tidak dapat berbuat demikian, oleh mana2 pehak berkuasa bagi negara yang

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

menghantar, kepada Kementerian bagi Hal Ehwal Luar Negeri bagi Negara yang menerima atau kepada pehak berkuasa yang di-lantek oleh Kementerian itu. Sa-bagai kelaziman, pemberitahuan ini hendak-lah di-berikan terlebih dahulu. Negara yang menerima boleh menyetujui penerimaan sa-laku pemangku ketua jawatan sa-saorang yang bukan sama ada sa-saorang ajen diplomatik atau pun sa-saorang pegawai konsol bagi Negara yang menghantar di-dalam Negara yang menerima terta'alok kepada persetujuan-nya.

3. Pehak2 berkuasa yang layak bagi Negara yang menerima hendak-lah memberi bantuan dan perlindungan kepada pemangku jawatan itu. Sa-masa dia menjaga jawatan itu, syarat2 Konvenshen yang sekarang ini hendak-lah di-kenakan kepada-nya atas asas yang sama saperti ketua jawatan konsol yang berkenaan. Negara yang menerima tidak-lah, bagaimana pun, bertanggung-jawab untuk memberi kepada sa-saorang pemangku ketua jawatan itu sa-barang kemudahan, hak keistimewaan atau imuniti yang ketua jawatan konsol itu menikmati hanya terta'alok kepada syarat2 yang tidak di-penuhi oleh pemangku ketua jawatan itu.

4. Bilamana, dalam hal2 yang di-sebutkan dalam perenggan 1 dari Perkara ini, sa-saorang ahli bagi anggota diplomatik dari misi diplomatik Negara yang menghantar di-dalam Negara yang menerima itu di-lantek oleh Negara yang menghantar sa-laku sa-saorang pemangku ketua jawatan, maka dia ada-lah, jika Negara yang menerima tidak membantahi-nya, terus menikmati hak2 keistimewaan dan imuniti diplomatik.

Perkara 17

Melakukan tindakan2 diplomatik oleh pegawai2 konsol.

1. Di-dalam sa-sabuah Negara di-mana Negara yang menghantar tidak mempunyai sa-barang misi diplomatik dan tidak di-wakili oleh sa-sabuah misi diplomatik sa-sabuah

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

Negara ketiga, sa-saorang pegawai konsol boleh, dengan persetujuan Negara yang menerima, dan tanpa menyentoh taraf konsol-nya, di-benarkan melakukan tindakan2 diplomatik. Perlakuan tindakan2 sa-demikian oleh sa-saorang pegawai konsol tidak-lah memberikan kapada-nya sa-barang hak untok menuntut hak2 keistimewaan dan imuniti diplomatik.

2. Sa-saorang pegawai konsol boleh, sa-lepas pemberitahuan yang di-alamatkan kapada Negara yang menerima bertindak sa-laku wakil Negara yang menghantar kapada mana2 pertubohan antara kerajaan. Manakala bertindak sa-demikian, dia ada-lah berhak menikmati apa jua hak keistimewaan dan imuniti yang di-berikan kapada sa-saorang wakil sa-demikian oleh undang2 antarabangsa biasa atau oleh perjanjian2 antarabangsa ; walau bagaimana pun, berthabit dengan penunaian oleh-nya apa jua tugas konsol, dia tidak-lah berhak mendapat sa-barang imuniti dari bidangkuasa yang lebeh dari imuniti dari bidangkuasa terhadap mana sa-saorang konsol itu berhak mendapat dibawah Konvenshen yang sekarang ini.

PENGGAL II

KEMUDAHAN2, HAK2 KEISTIMEWAAN DAN IMUNITI BERHUBONG DENGAN JAWATAN2 KONSOL, PEGAWAI2 KONSOL, PEGAWAI2 KONSOL ISTIMEWA BAGI PEKERJAAN ITU DAN AHLI2 LAIN SA-SUATU JAWATAN KONSOL.

BAB I

KEMUDAHAN2, HAK2 KEISTIMEWAAN DAN IMUNITI BERHUBONG DENGAN SA-SUATU JAWATAN KONSOL.

Perkara 31

Ketidak-gangguan bangunan dan pekarangan konsol.

1. Bangunan dan pekarangan konsol tidak boleh di-ganggu sa-takat yang di-persyaratkan dalam Perkara ini.
2. Pehak2 berkuasa bagi Negara yang menerima tidak boleh memasokki bahagian bangunan dan pekarangan kon-

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSÖL, 1981.

sol yang di-gunakan sa-mata2 bagi maksud kerja2 jawatan konsol kechuali dengan persetujuan ketua jawatan konsol itu atau orang lantekan-nya atau ketua misi diplomatik bagi Negara yang menghantar. Persetujuan ketua jawatan konsol boleh, bagaimana pun, di-pakai jika berlaku kebakaran atau benchana lain yang mengkehendaki tindakan perlindungan segera.

.....

4. Bangunan dan pekarangan konsol, alat2 perkakas-nya, harta-benda pejabat konsol dan chara2 pengangkutan-nya hendak-lah di-kechualikan dari apa jua chara tuntutan bagi maksud2 pertahanan atau perkhidmatan kemudahan awam. Jika pengambilan milek ada-lah perlu bagi maksud2 sa-demikian, segala langkah yang boleh hendak-lah di-ambil untok mengelakkan halangan kapada penunaian tugas2 konsol, dan ganti-rugi yang segera, memadai dan berkesan hendak-lah di-bayar kapada Negara yang menghantar.

Perkara 32

Pengechualian dari pengenaan chukai bagi bangunan dan pekarangan konsol.

1. Bangunan dan pekarangan konsol dan rumah kediaman ketua pejabat konsol istimewa bagi pekerjaan itu terhadap mana Negara yang menghantar atau mana2 orang orang yang bertindak bagi pehak-nya ada-lah menjadi em-punya atau penyewa-nya hendak-lah di-kechualikan dari segala pengenaan bayaran dan chukai negara, wilayah atau bandaran apa jua pun, sa-lain dari yang merupakan pem-bayaran bagi layanan2 tertentu yang di-berikan.

2. Pengechualian dari pengenaan chukai yang di-sebutkan dalam perenggan 1 dari Perkara ini tidak boleh di-kenakan kapada pengenaan2 bayaran dan chukai2 jika, di-bawah undang2 Negara yang menerima, pengenaan2 bayaran dan chukai2 itu kena di-bayar oleh orang yang

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

mengikat perjanjian dengan Negara yang menghantar atau dengan orang yang bertindak bagi pehak-nya.

Perkara 33

Ketidak-gangguan bagi arkib2 dan dokumen2 konsol.

Arkib2 dan dokumen2 konsol tidak boleh di-ganggu pada bila2 masa pun dan di-mana jua arkib2 dan dokumen2 itu mungkin berada.

Perkara 35

Kebebasan perhubungan.

1. Negara yang menerima hendak-lah membenarkan dan memperlindungi kebebasan perhubungan oleh pehak pejabat konsol bagi segala maksud rasmi. Dalam pada menghubungi Kerajaan, misi2 diplomatik dan pejabat2 konsol lain, di-mana jua letak-nya tempat-nya, bagi Negara yang menghantar, pejabat konsol itu boleh menggunakan semua chara yang bersesuaian, termasuk orang2 suruhan diplomatik atau konsol, beg2 diplomatik atau konsol dan kiriman2 surat sa-chara kod atau tulisan rahsia. Walau bagaimana pun, pejabat konsol itu boleh memasang dan menggunakan sa-suatu alat pemancar wireless hanya dengan persetujuan Negara yang menerima.

2. Surat-menyurat rasmi bagi pejabat konsol tidak boleh di-ganggu. Surat-menyurat rasmi berma'ana semua surat-menyurat yang berhubung dengan pejabat konsol dan tugas2-nya.

3. Beg konsol itu tidak boleh sama ada di-buka atau pun di-tahan. Namun begitu, jika pehak2 berkuasa yang layak bagi Negara yang menerima mempunyai sebab yang sirias untuk memperchayai bahawa beg itu mengandongi sa-suatu sa-lain dari surat-menyurat itu, dokumen2 atau barang2 yang di-sebutkan dalam perenggan 4 dari Perkara ini, mereka boleh meminta supaya beg itu di-buka di-hadapan mereka oleh sa-saorang wakil yang di-benarkan bagi Negara

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

yang menghantar. Jika permintaan ini di-tolak oleh pihak2 berkuasa bagi Negara yang menghantar, maka beg itu hendak-lah di-kembalikan ka-tempat-nya yang asal.

4. Bungkus2 yang terkandung di-dalam beg konsol itu hendak-lah menunjukkan tanda2 yang nyata di-sabelah luar-nya mengenai jenis-nya dan hanya boleh mengandungi surat-menyurat rasmi dan dokumen2 atau barang2 yang dimaksudkan sa-mata2 bagi kegunaan rasmi.

5. Orang suruhan konsol itu hendak-lah di-bekalkan dengan sa-suatu dokumen rasmi yang menyatakan taraf-nya dan bilangan bungkus2 yang terkandung di-dalam beg konsol itu. Kechuali dengan persetujuan Negara yang menerima dia tidak boleh menjadi sama ada warganegara Negara yang menerima, atau pun, melainkan dia sa-orang warganegara Negara yang menghantar, penduduk tetap Negara yang menerima. Dalam pada menunaikan tugas2-nya dia hendak-lah di-perlindongi oleh Negara yang menerima. Dia tidak-lah boleh di-ganggu dan tidak boleh di-kenakan sa-barang chara tangkapan atau tahanan.

6. Negara yang menghantar, misi2 diplomatik-nya dan pejabat2 konsol-nya boleh melantek orang2 suruhan *teristimewa bagi maksud itu*. Dalam perkara2 sa-demikian syarat2 perenggan 5 dari Perkara ini hendak-lah juga di-kenakan kechuali imuniti yang di-sebutkan di-dalam-nya tidak boleh lagi di-kenakan manakala orang suruhan sa-demikian telah menyampaikan kepada penerima kiriman-nya beg konsol yang di-dalam jagaan-nya itu.

7. Sa-sabuah beg konsol boleh di-amanahkan kepada kapten sa-sabuah kapal atau sa-sabuah pesawat terbang yang di-jadualkan mendarat di-sa-sabuah pelabuhan masuk yang di-benarkan. Dia hendak-lah di-bekalkan dengan sa-suatu dokumen rasmi yang menyatakan bilangan bungkus2 yang terkandung di-dalam beg itu, tetapi dia tidak boleh di-anggap sa-bagai sa-orang suruhan konsol. Dengan chara penyusunan dengan pihak2 berkuasa tempatan yang bersesuaian, pejabat konsol itu boleh menghantar salah sa-orang dari ahli2-nya untuk mengambil milek beg

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

itu dengan sa-chara langsung dan bebas daripada kapten kapal atau pesawat terbang itu.

Perkara 39

Bayaran2 dan perbelanjaan2 konsol.

1. Pejabat konsol itu boleh mengenakan di-dalam wilayah Negara yang menerima bayaran2 dan perbelanjaan2 yang di-persyaratkan oleh undang2 dan peratoran2 Negara yang menghantar kerana tindakan2 konsol.
2. Wang2 yang di-pungut sa-chara bayaran2 dan perbelanjaan2 yang di-sebutkan dalam perenggan 1 dari Perkara ini, dan resit2 bagi bayaran2 dan perbelanjaan2 tersebut, hendak-lah di-kechualikan dari semua pengenaan bayaran dan chukai di-dalam Negara yang menerima.

BAB II

KEMUDAHAN2, HAK2 KEISTIMEWAAN DAN IMUNITI BERHUBONG DENGAN PEGAWAI2 KONSOL ISTIMEWA BAGI PEKERJAAN ITU DAN AHLI2 LAIN BAGI SA-SUATU PEJABAT KONSOL.

Perkara 41

Ketidak-gangguan bagi diri pegawai2 konsol.

1. Pegawai2 konsol tidak boleh di-kenakan tangkapan atau tahanan sementara menunggu perbicharaan, kechuali dalam perkara jenayah besar dan menurut sa-suatu keputusan oleh pihak berkuasa kehakiman yang layak.
2. Kechuali dalam perkara yang di-tentukan dalam perenggan 1 dari Perkara ini, pegawai2 konsol tidak boleh di-penjara atau di-kenakan apa jua chara sekatan ka-atas kebebasan diri mereka itu kechuali dalam pada melaksanakan sa-suatu keputusan kehakiman yang mu'tamad.

Perkara 43

Imuniti dari bidangkuasa.

1. Pegawai2 konsol dan pekerja2 konsol tidak-lah terta'alok kepada bidangkuasa kehakiman atau pehak2 berkuasa pentadbiran Negara yang menerima berthabit dengan tindakan2 yang di-lakukan dalam pada menjalankan tugas2 konsol.
2. Syarat2 perenggan 1 dari Perkara ini tidak-lah, bagaimana pun, di-kenakan berthabit dengan sa-suatu tindakan sivil sama ada:
 - (a) yang berbangkit : dari sa-suatu perjanjian yang di-tanda-tangani oleh sa-saorang pegawai konsol atau sa-saorang pekerja konsol dalam mana dia telah tidak mengatakan dengan nyata atau bermaksud yang dia sa-laku sa-orang ajen bagi Negara yang menghantar ; atau
 - (b) oleh sa-suatu pehak ketiga kerana kerugian yang berbangkit dari sa-suatu kemalangan di-dalam Negara yang menerima di-sebabkan oleh sa-sabuah kenderaan, kapal atau pesawat terbang.

Perkara 44

Tanggungan untok memberi keterangan.

1. Ahli2 bagi sa-sabuah pejabat konsol boleh di-minta untok menghadziri sa-bagai saksi2 sa-masa berjalan-nya perbicharaan kehakiman atau pentadbiran. Sa-saorang pekerja konsol atau sa-saorang ahli dari anggota perkhidmatan tidak boleh, kechuali dalam perkara2 yang di-sebutkan dalam perenggan 3 dari Perkara ini, menolak untok memberi keterangan. Jika sa-saorang pegawai konsol itu menolak untok berbuat demikian, tiada sa-barang langkah memaksa atau hukuman boleh di-kenakan ka-atas-nya.
2. Pehak berkuasa yang berkehendakkan keterangan dari sa-saorang pegawai konsol hendak-lah mengelakkan

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

dari mengganggu pelaksanaan tugas2-nya. Pihak berkuasa itu boleh, bilamana mungkin, mengambil keterangan itu di rumah kediaman-nya atau di-pejabat konsol atau menerima sa-suatu pernyataan daripada-nya sa-chara bertulis.

3. Ahli2 bagi sa-sabuah pejabat konsol tidak-lah bertanggung-jawab untok memberi keterangan berkenaan dengan perkara2 yang berkaitan dengan perjalanan tugas2 mereka atau untok mengemukakan surat-menyurat rasmi dan dokumen2 berhubung dengan-nya. Mereka juga berhak menolak untok memberi keterangan sa-bagai saksi2 pakar berkenaan dengan undang2 Negara yang menghantar.

Perkara 45

Pengenepian hak2 keistimewaan dan imuniti.

1. Negara yang menghantar boleh mengeneipkan, berkenaan dengan sa-saorang ahli bagi pejabat konsol, mana2 dari hak2 keistimewaan dan imuniti yang di-persyaratkan dalam Perkara2 41, 43 dan 44.

2. Pengepian itu hendak-lah dalam semua perkara dibuat dengan nyata, kechuali sa-bagaimana yang di-persyaratkan dalam perenggan 3 dari Perkara ini, dan hendak-lah di-ma'alumkan kapada Negara yang menerima sa-chara bertulis.

3. Permulaan langkah perbicharaan oleh sa-saorang pegawai konsol atau sa-saorang pekerja konsol dalam sa-suatu perkara yang dia mungkin menikmati imuniti dari bidangkuasa di-bawah Perkara 43 menchegeh-nya dari menggunakan imuniti itu dari bidangkuasa berthabit dengan sa-barang tuntutan-balas yang sa-chara langsung berkaitan dengan tuntutan utama.

4. Pengepian imuniti dari bidangkuasa bagi maksud2 tindakan2 sivil atau pentadbiran tidak boleh di-anggap mensifatkan-nya sa-bagai pengepian imuniti daripada

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

langkah2 penguatkuasaan akibat dari keputusan kehakiman ; berthabit dengan langkah2 sa-demikian, satu pengene pian yang berasingan ada-lah perlu.

Perkara 48

Pengechualian keselamatan kemasharakatan.

1. Terta'alok kepada sharat2 perenggan 3 dari Perkara ini, ahli2 bagi pejabat konsol berthabit dengan perkhidmatan2 yang di-berikan oleh mereka bagi pehak Negara yang menghantar, dan ahli2 keluarga mereka yang merupakan sa-bahagian dari rumahtangga2 mereka, hendak-lah di-kechualikan dari sharat2 keselamatan kemasharakatan yang mungkin berkuatkuasa di-dalam Negara yang menerima.

2. Pengechualian yang di-persyaratkan dalam perenggan 1 dari Perkara ini hendak-lah di-kenakan juga kepada ahli2 dari anggota prevet yang sa-mata2 berkerja dengan ahli2 pejabat konsol, dengan sharat :

- (a) bahawa mereka itu bukan warganegara atau penduduk tetap di-Negara yang menerima ; dan
- (b) bahawa mereka itu ada-lah di-liputi oleh sharat2 keselamatan kemasharakatan yang berkuatkuasa di-Negara yang menghantar atau sa-sabuah Negara ketiga.

3. Ahli2 bagi pejabat konsol yang menggajikan orang2 terhadap siapa pengechualian yang di-sharatkan dalam perenggan 2 dari Perkara ini tidak di-kenakan hendak-lah mematohi tanggung-jawab2 yang sharat2 keselamatan kemasharakatan Negara yang menerima mengenakan ka-atas majikan2.

4. Pengechualian yang di-persyaratkan dalam perenggan2 1 dan 2 dari Perkara ini tidak menchegehah penyertaan sa-chara sukarela dalam sistem keselamatan kemasharakatan Negara yang menerima, dengan syarat bahawa penyertaan sa-demikian di-benarkan oleh Negara itu.

Perkara 49

Pengechualian dari pengenaan chukai.

1. Pegawai2 konsol dan pekerja2 konsol serta ahli2 keluarga mereka yang merupakan sa-bahagian dari rumahtangga mereka hendak-lah di-kechualikan dari semua pengenaan bayaran dan chukai, persaorangan atau harta, negeri, wilayah atau bandaran, kechuali:

- (a) chukai2 sa-chara tidak langsung sa-jenis yang biasa-nya di-masokkan ka-dalam harga barang2 atau layanan2 ;
- (b) pengenaan2 bayaran atau chukai2 ka-atas harta-benda prevet yang tidak dapat di-pindahkan yang terletak di-dalam Negara yang menerima, terta'alok kapada syarat2 dari Perkara 32 ;
- (c) chukai2 harta-pesaka, keturunan atau warisan, dan chukai2 ka-atas pemindahan-milek2, yang di-kenakan oleh Negara yang menerima, terta'alok kapada syarat2 perenggan (b) dari Perkara 51 ;
- (d) pengenaan2 bayaran dan chukai ke-atas pendapatan prevet, termasuk keuntongan2 modal, yang berpuncha di-Negara yang menerima dan chukai2 modal berhubong dengan penanaman modal yang di-buat di-dalam perusahaan2 perdagangan atau kewangan di-Negara yang menerima ;

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

- (e) perbelanjaan2 yang di-kenakan kerana layanan2 istimewa yang di-berikan ;
- (f) pendaftaran, bayaran2 mahkamah atau rekod, pengenaan2 bayaran gadaian dan chukai2 setem tertaalok kepada syarat2 Perkara 32.

2. Ahli2 dari anggota perkhidmatan hendak-lah di-kechualikan dari pengenaan2 bayaran dan chukai kerana gaji2 yang mereka terima kerana perkhidmatan2 mereka.

3. Ahli2 pejabat konsol yang menggaji orang2 yang gajinya tidak di-kechualikan dari chukai pendapatan di-Negara yang menerima hendak-lah memenohi tanggung-jawab2 yang undang2 dan peratoran2 Negara itu mengenakan ka-atas majikan2 berkenaan dengan pengenaan chukai pendapatan.

Perkara 50

Pengechualian dari chukai2 dan pemereksaan kastam.

1. Negara yang menerima hendak-lah, menurut undang2 dan peratoran2 yang mungkin di-pakai-nya, membenarkan kemasokan dan memberi pengechualian dari semua chukai2 kastam, chukai2, dan perbelanjaan2 yang berhubung dengan-nya sa-lain dari perbelanjaan kerana penyimpanan, pengangkutan dan perkhidmatan2 yang sa-rupa itu, ka-atas :

- (a) barang2 bagi kegunaan rasmi pejabat konsol itu ;
- (b) barang2 bagi kegunaan persaorangan sa-saorang pegawai konsol atau ahli2 keluarga-nya yang merupakan sa-bahagian dari ruahtangga-nya, termasuk barang2 yang di-maksudkan untuk pejabat-nya. Barang2 yang di-maksudkan untuk pemakaian tidak boleh melebihi jumlah2 yang perlu untuk penggunaan terus oleh orang2 yang berkenaan.

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

2. Pekerja2 konsol hendak-lah menikmati hak2 keistimewaan dan pengechualian2 yang di-nyatakan dalam perenggan 1 dari Perkara ini berthabit dengan barang2 yang di-impot pada ketika perlantekan pertama.

3. Barang2 bawaan persaorangan yang menyertai pegawai2 konsol dan ahli2 keluarga2 mereka yang merupakan sa-bahagian dari rumahtangga2 mereka itu hendak-lah di-kechualikan dari pemereksaan. Barang2 bawaan itu boleh di-pereksa hanya jika ada sebab yang serius untuk memperchayai bahawa ia-nya mengandongi barang2 sa-lain dari yang di-sebutkan dalam perenggan kechil (b) perenggan 1 dari Perkara ini, atau barang2 yang pengimpotan atau pengekspotan-nya di-larang oleh undang2 dan peratoran2 Negara yang menerima atau yang terta'alok kapada undang2 dan peratoran2 kerantin-nya. Pemereksaan sa-demikian hendak-lah di-lakukan di-hadapan pegawai konsol itu atau ahli keluarga-nya yang berkenaan.

Perkara 51

Harta-pesaka sa-saorang ahli pejabat konsol atau sa-saorang ahli keluarga-nya.

Jika berlaku kematian sa-saorang ahli pejabat konsol atau sa-saorang ahli keluarga-nya yang merupakan sa-bahagian dari rumahtangga-nya, maka Negara yang menerima :

- (a) hendak-lah membenarkan pengiriman keluar negeri harta-benda yang dapat di-pindahkan kepunyaan si-mati kechuali mana2 harta-benda yang telah di-pérolehi di-Negara yang menerima yang pengiriman-nya keluar negeri telah di-larang pada ketika kematian-nya.
- (b) tidak boleh mengenakan chukai2 negara, wilayah atau bandaran harta-pesaka, keturunan atau warisan, dan chukai2 ka-atas pemindahan-milek2, ka-atas harta-benda yang dapat di-

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

pindahkan yang berada di-Negara yang menerima telah sa-mata2 di-sebabkan oleh berada-nya di-Negara itu si-mati itu sa-bagai sa-orang ahli pejabat konsol atau sa-bagai sa-orang ahli keluarga sa-saorang ahli pejabat konsol.

Perkara 52

Pengechualian dari perkhidmatan2 dan sumbangan2 persaorangan.

Negara yang menerima hendak-lah mengechualikan ahli2 pejabat konsol serta ahli2 keluarga2 mereka yang merupakan sa-bahagian dari rumahtangga2 mereka dari semua perkhidmatan persaorangan, dari semua perkhidmatan awam dari apa jua jenis pun, dan dari tanggungjawab2 tentera saperti yang berkaitan dengan tuntutan sumbangan2 tentera dan tempat tumpangan seldadu.

Perkara 53

Permulaan dan berakhir-nya hak2 keistimewaan dan imuniti konsol.

1. Tiap2 ahli pejabat konsol hendak-lah menikmati hak2 keistimewaan dan imuniti yang di-persyaratkan dalam Konvenshen yang sekarang ini dari ketika dia memasoki wilayah Negara yang menerima sa-masa pergi untuk memulakan jawatan-nya atau, jika sudah pun berada di-dalam wilayah Negara itu, dari ketika bilamana dia memulakan kewajipan2-nya dengan pejabat konsol.

2. Ahli2 keluarga sa-saorang ahli pejabat konsol yang merupakan sa-bahagian dari rumahtangga-nya serta ahli2 anggota prevet-nya hendak-lah menerima hak2 keistimewaan dan imuniti yang di-persyaratkan dalam Konvenshen yang sekarang ini daripada tarikh ia-nya menikmati hak2 keistimewaan dan imuniti menurut perenggan 1 dari Perkara ini atau daripada tarikh kemasokan mereka ka-dalam wilayah Negara yang menerima atau dari tarikh mereka menjadi sa-orang ahli Negara yang menerima atau

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

daripada tarikh mereka menjadi sa-saorang ahli keluarga atau anggota prevet tersebut, yang mana satu terkemudian.

3. Bilamana tugas2 sa-saorang ahli pejabat konsol itu telah berakhir, maka hak2 keistimewaan dan imuniti-nya serta hak2 keistimewaan dan imuniti sa-saorang ahli keluarga-nya yang merupakan sa-bahagian dari rumahtangga-nya atau sa-saorang ahli dari anggota prevet-nya ada-lah biasa-nya tamat pada ketika bilamana orang yang berkenaan meninggalkan Negara yang menerima atau manakala tamat-nya sa-suatu tempoh yang berpatutan untuk berbuat demikian, yang mana satu lebeh awal, tetapi maseh berjalan sa-hingga masa itu, meskipun jika berlaku pertemporan bersenjata. Berkenaan dengan orang2 yang disebutkan dalam perenggan 2 dari Perkara ini, hak2 keistimewaan dan imuniti mereka ada-lah berakhir manakala mereka tidak lagi menjadi ahli2 rumahtangga itu atau di dalam perkhidmatan sa-saorang ahli pejabat konsol dengan syarat, bagaimana pun, bahawa jika orang2 itu bertujuan hendak meninggalkan Negara yang menerima dalam sa-suatu tempoh yang berpatutan sa-lepas itu, maka hak2 keistimewaan dan imuniti mereka maseh berjalan sa-hingga masa mereka berlepas.

4. Walaubagaimana pun, berthabit dengan tindakan2 yang di-lakukan oleh sa-saorang pegawai konsol atau sa-saorang pekerja konsol dalam pada menjalankan tugas2-nya, imuniti dari bidangkuasa ada-lah terus berjalan tanpa had masa.

5. Jika berlaku kematian sa-saorang ahli pejabat konsol, maka ahli2 keluarga-nya yang merupakan sa-bahagian dari rumahtangga-nya ada-lah terus menikmati hak2 keistimewaan dan imuniti yang di-berikan kepada mereka sa-hingga mereka meninggalkan Negara yang menerima atau sa-hingga tamat-nya sa-suatu tempoh yang berpatutan yang membolehkan mereka untuk berbuat demikian, yang mana satu lebeh awal.

Perkara 54

Tanggung-jawab2 Negara2 ketiga.

1. Jika sa-saorang pegawai konsol melalui atau berada di-dalam wilayah sa-sabuah Negara ketiga, yang telah memberikan-nya sa-suatu visa jika sa-suatu visa itu perlu, sa-masa dalam perjalanan untuk memulakan atau balek ka-jawatan-nya atau manakala balek ka-Negara yang menghantar-nya, maka Negara ketiga itu hendak-lah memberi kapada-nya semua imuniti yang di-persyaratkan oleh Perkara2 lain dari Konvenshen yang sekarang ini yang mungkin di-kehendaki untuk memastikan perjalanan atau pengembalian-nya. Kedudukan yang sama hendak-lah dikenakan berkenaan dengan mana2 ahli keluarga-nya yang merupakan sa-bahagian dari rumahtangga-nya yang menikmati hak2 keistimewaan dan imuniti yang menyertai pegawai konsol itu atau melakukan perjalanan sa-chara berasingan untuk turut bersama2-nya atau untuk kembali ka-Negara yang menghantar-nya.

2. Dalam hal2 yang serupa dengan apa yang di-nyatakan dalam perenggan 1 dari Perkara ini, Negara2 ketiga tidak boleh menghindar perjalanan melalui wilayah mereka ahli2 lain pejabat konsol atau ahli2 keluarga2 mereka yang merupakan sa-bahagian dari rumah-tangga2 mereka.

3. Negara2 ketiga hendak-lah memberikan kapada surat-menyurat rasmi serta perhubungan2 rasmi lain yang sedang dalam perjalanan, termasuk kiriman2 surat sechara koda atau rahsia, kebebasan dan perlindungan yang sama saperti yang Negara yang menerima wajib memberikan di-bawah Konvenshen yang sekarang ini. Mereka hendak-lah memberikan kapada orang2 suruhan yang telah di-berikan sasatu visa, jika sasatu visa itu perlu, dan kapada beg2 konsol yang sedang dalam perjalanan, keistimewaan tidak akan di-ganggu serta perlindungan yang sama saperti Negara yang menerima wajib memberikan di-bawah Konvenshen yang sekarang ini.

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

4. Tanggong-jawab2 Negara Ketiga di-bawah perenggan 1, 2 dan 3 dari Perkara ini hendak-lah juga di-kenakan kepada orang2 yang masing2-nya di-sebutkan dalam perenggan2 itu, dan kepada perhubungan2 rasmi serta beg2 konsol, yang ada-nya di-dalam wilayah Negara ketiga itu ada-lah di-sebabkan oleh *keadaan yang memaksa (force majeure)*.

Perkara 55

Menghormati undang2 dan peratoran2 Negara yang menerima.

2. Bangunan dan pekarangan konsol tidak boleh di-gunakan sa-chara apa jua pun yang bertentangan dengan perjalanan tugas2 konsol.

3. Syarat2 perenggan 2 dari Perkara ini tidak mencheгах kemungkinan pejabat2 yayasan2 lain atau perwakilan2 untuk di-tubuhkan dalam bahagian bangunan dalam mana bangunan dan pekarangan konsol itu terletak, dengan syarat bahawa tempat yang di-berikan kepada mereka itu ada-lah berasingan dari tempat2 yang di-gunakan oleh pejabat konsol. Jika berlaku demikian, pejabat2 tersebut tidak boleh, bagi maksud2 Konvenshen yang sekarang ini, di-anggap sa-bagai merupakan sa-bahagian dari bangunan konsol.

Perkara 57

Sharat2 khas mengenai pekerjaan prevet yang mendatangkan faedah.

2. Hak2 keistimewaan dan imuniti yang di-persyaratkan dalam Penggal ini tidak boleh di-berikan :

- (a) kepada pekerja2 konsol atau kepada ahli2 dari anggota perkhidmatan yang menjalankan pekerjaan prevet yang mendatangkan faedah di-Negara yang menerima ;
- (b) kepada ahli2 keluarga sa-saorang yang di-sebutkan dalam perenggan kechil (a) dari perenggan ini atau kepada ahli2 dari anggota prevet-nya ;

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981

- (c) kepada ahli2 keluarga sa-saorang ahli sa-sabuah pejabat konsol yang mereka sendiri menjalankan apa jua pekerjaan prevet yang mendatangkan faedah di-Negara yang menerima.

PENGGAL III

SISTEM PENTADBIRAN BERHUBONG DENGAN PEGAWAI KONSOL KEHORMAT DAN PEJABAT2 KONSOL YANG DI-KETUAI OLEH PEGAWAI SA-DEMIKIAN.

Perkara 58

Sharat2 'am berhubung dengan kemudahan2, hak2 keistimewaan dan imuniti.

1. Perkara2 35 dan 39, perenggan 3 dari Perkara 54 dan perenggan2 2 dan 3 dari Perkara 55 hendak-lah di-kenakan kepada pejabat2 konsol yang di-ketuai oleh sa-saorang pegawai konsol kehormat. Sa-lain dari itu, kemudahan2, hak2 keistimewaan dan imuniti pejabat2 konsol sa-demikian hendak-lah di-kuasai oleh Perkara2 60, 61 dan 62.
2. Perkara 43, perenggan 3 dari Perkara 44, Perkara2 45 dan 53 hendak-lah di-kenakan kepada pegawai2 konsol kehormat. Sa-lain dari itu, kemudahan2, hak2 keistimewaan dan imuniti bagi pegawai2 sa-demikian hendak-lah di-kuasai oleh Perkara2 66 dan 67.
3. Hak2 keistimewaan dan imuniti yang di-persyaratkan dalam Konvenshen yang sekarang ini tidak boleh di-berikan kepada ahli2 keluarga sa-saorang pegawai konsol kehormat atau ahli2 keluarga sa-saorang pekerja konsol yang bekerja di-sa-sabuah pejabat konsol yang di-ketuai oleh sa-saorang pegawai konsol kehormat.

Perkara 60

Pengechualian dari pengenaan cukai bagi bangunan dan pekarangan konsol.

1. Bangunan dan pekarangan konsol bagi sa-sabuah pejabat konsol yang di-ketuai oleh sa-saorang pegawai konsol kehormat yang mana Negara yang menghantar menjadi yang empunya atau penyewa-nya hendak-lah di-kechualikan dari semua pengenaan bayaran dan cukai negara, wilayah atau bandaran apa pun jua, sa-lain dari yang merupakan pembayaran bagi perkhidmatan2 tertentu yang di-berikan.

2. Pengechualian dari pengenaan cukai yang disebutkan dalam perenggan 1 dari Perkara ini tidak-lah dikenakan kepada pengenaan2 bayaran dan cukai sa-demikian jika, di-bawah undang2 dan peratoran2 Negara yang menerima, pengenaan2 bayaran dan cukai itu kena di-bayar oleh orang yang mengikat perjanjian dengan Negara yang menghantar.

Perkara 61

Ketidak-gangguan bagi arkib2 serta dokumen2 konsol.

Arkib2 serta dokumen2 konsol bagi sa-sabuah pejabat konsol yang di-ketuai oleh sa-saorang pegawai konsol kehormat tidak boleh di-ganggu pada bila2 masa dan di-mana juga ia-nya berada, dengan syarat bahawa ia-nya di-simpan berasingan dari kertas2 dan dokumen2 lain dan, khususnya, dari surat-menyurat prevet ketua sa-sabuah pejabat konsol dan mana2 orang yang bekerja dengan-nya, dan dari bahan2, buku2 serta dokumen2 yang berhubung dengan jawatan atau pekerjaan mereka.

Perkara 62

Pengechualian dari chukai2 kastam.

Negara yang menerima hendak-lah, menurut undang2 dan peratoran2 yang ia-nya mungkin memakai, membenarkan kemasokan, dan memberikan pengechualian dari semua chukai kastam, chukai dan perbelanjaan yang berkaitan selain dari perbelanjaan2 bagi penyimpanan, pengangkutan dan perkhidmatan2 yang sa-rupa itu ka-atas barang2 yang berikut, dengan syarat bahawa barang2 itu ia-lah bagi kegunaan rasmi sa-sabuah pejabat konsol kehormat yang diketuai oleh pegawai konsol kehormat; panji2, bendera2, papan2 tanda, mohor2, dan chap2, buku2, bahan chetak rasmi, perabot pejabat, kelengkapan pejabat dan barang2 yang sa-rupa itu yang di-bekalkan oleh atau atas permintaan Negara yang menghantar kapada pejabat konsol.

Perkara 66

Pengechualian dari pengenaan chukai.

Sa-saorang pegawai konsol kehormat hendak-lah di-kechualikan dari semua pengenaan bayaran dan chukai ka-atas gaji dan pendapatan2 yang dia terima daripada Negara yang menghantar berthabit dengan perjalanan tugas2 konsol.

Perkara 67

Pengechualian dari perkhidmatan2 dan sumbangan2 persaorangan.

Negara yang menerima hendak-lah mengechualikan pegawai2 konsol kehormat dari semua perkhidmatan persaorangan dan dari semua perkhidmatan2 awam dari apa jua jenis dan dari tanggung-jawab2 tentera saperti yang berkaitan dengan tuntutan sumbangan2 tentera dan tempat tumpangan seldadu.

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

PENGGAL IV

SHARAT2 'AM

Perkara 70

Perjalanan tugas2 konsol oleh misi2 diplomatik.

1. Syarat2 dari Konvenshen yang sekarang ini ada-lah dikenakan juga, sa-takat yang kandongan-nya membenarkan, kapada perjalanan tugas2 konsol oleh sa-sabuah misi diplomatik.
2. Nama ahli2 sa-sabuah misi diplomatik yang di-tugaskan di-bahagian konsol atau sa-balek-nya di-berikan tanggung-jawab menjalankan tugas2 konsol bagi misi itu hendak-lah di-beritahu kapada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bagi Negara yang menerima atau kapada pehak berkuasa yang di-lantek oleh Kementerian itu.

.....

4. Hak2 keistimewaan dan imuniti ahli2 bagi sa-sabuah misi diplomatik yang di-sebutkan dalam perenggan 2 dari Perkara ini hendak-lah terus di-kuasai oleh atoran2 dari undang2 antarabangsa mengenai perhubungan2 diplomatik.

Perkara 71

Warganegara2 atau penduduk2 tetap Negara yang menerima.

1. Kechuali sa-takat yang kemudahan2, hak2 keistimewaan dan imuniti tambahan mungkin di-berikan oleh Negara yang menerima, pegawai2 konsol yang menjadi warganegara2 atau penduduk tetap di-Negeri yang menerima hendak-lah hanya menikmati imuniti dari bidangkuasa dan ketidak-gangguan persaorangan berthabit dengan tindakan2 rasmi yang di-lakukan dalam pada menjalankan tugas2 mereka, dan hak keistimewaan yang di persyaratkan dalam perenggan 3 dari Perkara 44.

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL; 1981.

2. Ahli2 lain dari pejabat konsol yang menjadi warganegara2 atau penduduk tetap di-Negara yang menerima dan ahli2 keluarga mereka, serta jua ahli2 keluarga pegawai2 konsol yang di-sebutkan dalam perenggan 1 dari Perkara ini, hendak-lah menikmati kemudahan2, hak2 keistimewaan dan imuniti hanya sa-takat yang kemudahan2, hak2 keistimewaan dan imuniti itu di-berikan kepada mereka oleh Negara yang menerima. Ahli2 keluarga bagi ahli2 pejabat konsol dan ahli2 dari anggota prevet yang mereka sendiri menjadi warganegara2 atau penduduk tetap di-Negara yang menerima hendak-lah sa-rupa jua menikmati kemudahan2, hak2 keistimewaan dan imuniti hanya sa-takat yang kemudahan2, hak2 keistimewaan dan imuniti itu di-berikan kepada mereka oleh Negara yang menerima.

JADUAL KEDUA

Sharat2 untuk memberi kesan kepada perjanjian2 lain.

1. Pengechualian dari pengenaan2 bayaran dan chukai2 yang sa-rupa boleh di-perluaskan kepada rumah kediaman mana2 ahli dari sa-buah pejabat konsol sa-bagaimana yang di-berikan di-bawah Perkara 32 dalam Jadual Pertama kepada rumah kediaman ketua sa-sabuah pejabat konsol istimewa bagi pekerjaan itu.
2. Perenggan 1 dari Perkara 49 dalam Jadual itu boleh di-perluaskan kepada ahli2 dari anggota perkhidmatan-nya.
3. Perenggan 2 dari Perkara 50 dalam Jadual itu boleh dikenakan sa-olah2 ia-nya di-antara Perkara2 yang di-sebutkan dalam perenggan 2 dari Perkara 58 dalam Jadual itu, sa-olah2 sebutan mengenai pekerja2 konsol itu termasuk ahli2 dari anggota perkhidmatan-nya dan juga ahli2 keluarga pekerja2 konsol atau ahli2 dari anggota perkhidmatan-nya yang merupakan sa-bahagian dari rumahtangga2 mereka, dan sa-olah2 perkataan2 "berthabit dengan barang2 yang di-impot pada ketika perlantekan pertama" itu telah di-tinggalkan.

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

4. Perenggan2 1 dan 2 dari Jadual Ketiga (ketidak-gangguan dan imuniti dari bidangkuasa dan tangkapan bagi agen2 diplomatik dan pengechualian dari kewajipan untuk memberi keterangan) boleh di-perluaskan kepada ahli2 sa-sabuah pejabat konsol dan ahli2 keluarga mereka yang merupakan sa-bahagian dari rumahtangga2 mereka.
5. Perenggan 3 dari Jadual Ketiga (ketidak-gangguan dan perlindungan bagi misi) boleh di-perluaskan kepada bangunan dan pekarangan konsol; dan perenggan 4 dari Jadual itu (ketidak-gangguan rumah kediaman prevet) boleh di-perluaskan kepada rumah kediaman pegawai2 konsol.
6. Perenggan 5 dari Jadual Ketiga (kebebasan perhubungan2) boleh di-perluaskan kepada perhubungan2 sa-sabuah pejabat konsol.

JADUAL KETIGA

Perkara2 Yang Di-Pakai dari Konvenshen Vienna mengenai Perhubungan2 Diplomatik yang telah di-tandatangani dalam tahun 1961.

1. Diri sa-saorang agen diplomatik itu tidak boleh di-ganggu. Dia tidak boleh di-kenakan sa-barang chara tangkapan atau tahanan. Negara yang menerima hendak-lah melayani-nya dengan kehormatan yang sa-harus-nya dan hendak-lah mengambil segala langkah yang bersesuaian untuk menchegeh sa-barang serangan ka-atas diri-nya, kebebasan atau kehormatan-nya.
2. (1) Sa-saorang agen diplomatik hendak-lah menikmati imuniti dari bidangkuasa jenayah Negara yang menerima. Dia hendak-lah juga menikmati imuniti dari bidangkuasa sivil dan pentadbiran-nya, kechuali berkenaan dengan -
 - (a) sa-suatu tindakan terhadap harta berhubung dengan harta-benda prevet yang tidak dapat di-pindahkan yang bertempat di-wilayah Negara yang menerima, melainkan dia memegang-nya

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

bagi pehak Negara yang menghantar bagi maksud2 misi tersebut ;

- (b) sa-suatu tindakan berhubung dengan keturunan harta-pesaka dalam mana ajen diplomatik itu terlibat sa-bagai wasi pentadbir, waris atau penerima pesaka (legatee) sa-laku sa-saorang prevet dan bukan bagi pehak Negara yang menghantar ;
- (c) sa-suatu tindakan berhubung dengan apa jua kegiatan professional atau perdagangan yang dijalankan oleh ajen diplomatik di-Negara yang menerima di-luar tugas2 rasmi-nya.

(2) Sa-saorang ajen diplomatik tidak-lah terwajib untuk memberi keterangan sa-bagai sa-orang saksi.

(3) Tiada sa-barang langkah penguatkuasaan boleh diambil berthabit dengan sa-saorang ajen diplomatik kechuali dalam perkara2 yang termasuk di-bawah perenggan2 kechil (a), (b) dan (c) perenggan 1 dari Perkara ini, dan dengan syarat bahawa langkah2 yang berkenaan boleh di-ambil tanpa melanggar ketidakgangguan diri-nya atau rumah kediaman-nya.

(4) Imuniti sa-saorang ajen diplomatik dari bidangkuasa Negara yang menerima tidak mengechualikannya dari bidangkuasa Negara yang menghantar.

3. (1) Bangunan dan pekarangan misi itu tidak boleh diganggu. Ajen2 Negara yang menerima tidak boleh memasokki-nya, kechuali dengan persetujuan ketua misi itu.

(2) Negara yang menerima ada-lah di-pertanggungjawabkan dengan kewajipan istimewa untuk mengambil segala langkah yang bersesuaian untuk memperlindungi bangunan dan pekarangan misi itu terhadap sa-barang gangguan atau kerosakan dan untuk mencheegah sa-barang

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

kekachauan keamanan misi itu atau kechachatan kehormatan-nya.

(3) Bangunan dan pekarangan misi itu, kelengkapannya dan harta-benda-nya yang lain di-dalam-nya dan chara2 pengangkutan misi itu tidak boleh di-kenakan pengeledahan, tuntutan, tahanan atau penguatkuasaan.

(4) Rumah kediaman prevet bagi sa-saorang ajen diplomatik hendak-lah menikmati ketidak-gangguan dan perlindungan yang sama saperti bangunan dan pekarangan misi itu.

5. (1) Negara yang menerima hendak-lah membenarkan dan memperlindungi perhubungan bebas di-sa-belah pihak misi itu bagi semua maksud rasmi. Dalam pada membuat perhubungan dengan Kerajaan dan misi2 dan pejabat2 konsol lain bagi Negara yang menghantar, di-mana jua bertempat, misi itu boleh menggunakan semua chara yang bersesuaian, termasuk orang2 suruhan diplomatik dan kiriman2 surat sa-chara koda atau rahsia. Walau bagaimana pun, misi itu boleh memasang dan menggunakan sa-suatu alat pemancar wireless hanya dengan persetujuan Negara yang menerima.

(2) Surat-menyurat rasmi misi itu tidak boleh di-ganggu. Surat-menyurat rasmi berma'ana semua surat-menyurat berhubung dengan misi itu dan tugas2-nya.

(3) Beg diplomatik-nya tidak boleh di-buka atau ditahan.

(4) Bungkus2 yang terkandung di-dalam beg diplomatik itu mesti-lah menunjukkan tanda2 yang nyata di-sabelah luar-nya mengenai jenis bungkus2 itu dan boleh mengandongi hanya dokumen2 diplomatik atau barang2 yang di-maksudkan bagi kegunaan rasmi.

(5) Orang suruhan diplomatik-nya, yang hendak-lah dibekalkan dengan sa-suatu dokumen rasmi yang menyatakan taraf-nya serta bilangan bungkus2 yang terkandung di-

UNDANG2 PERHUBONGAN2 KONSOL, 1981.

dalam beg diplomatik itu, hendak-lah di-perlindungi oleh Negara yang menerima dalam menunaikan tugas2-nya. Dia hendak-lah menikmati ketidak-gangguan persaorangan dan tidak boleh di-kenakan apa jua chara tangkapan atau tahanan.

(6) Negara yang menghantar atau misi-nya boleh melantek orang2 suruhan diplomatik *istimewa bagi maksud itu*. Dalam hal2 sa-demikian syarat2 perenggan (5) dari Perkara ini hendak-lah juga di-kenakan, kechuali imuniti yang di-sebutkan di-dalam-nya tidak-lah lagi di-kenakan manakala sa-saorang suruhan sa-demikian telah menyampaikan kepada penerima kiriman itu beg diplomatik yang di-dalam jagaan-nya.

(7) Sa-sabuah beg diplomatik boleh di-amanahkan kepada kapten sa-sabuah pesawat terbang yang di-jadualkan mendarat di-sa-sabuah lapangan terbang masok yang di-benarkan. Dia hendak-lah di-bekalkan dengan sa-suatu dokumen rasmi yang menyatakan bilangan bungkus2 yang terkandung di-dalam beg itu tetapi dia tidak boleh di-anggap sa-bagai sa-saorang suruhan diplomatik. Misi-nya boleh menghantar salah sa-orang dari ahli2-nya untok mengambil milek beg diplomatik itu terus dan dengan bebas-nya daripada kapten pesawat terbang tersebut.

Di-luluskan pada 29 haribulan Desimber, 1981.

DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN ASAR
Jurutulis,
Majlis Mashuarat Negeri,
Brunei.